

New Breed Marketing Entrepreneur (NBME): Platform perniagaan digital

Nurul Afzan Najid¹, Rozeleenda Abdul Rahman²

¹Fakulti Perakaunan, UiTM Kampus Raub, Pahang, Malaysia

²Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Kampus Raub, Pahang, Malaysia

*Email Penulis: nurulafzan@uitm.edu.my



Berhasrat mengurangkan kebergantungan pelajar terhadap pekerjaan ‘makan gaji’ disamping mewujudkan bidang kerja kepada orang lain mendorong Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) memperkenalkan Program New Breed Marketing Entrepreneur (NBME). Program ini merupakan satu program pemasaran dalam talian yang mana pelajar terdiri daripada ahli kelab Myagrosis menjadi penjual semula (reseller) atau ejen

dropship yang dilantik untuk mempromosi produk usahawan Industri Asas Tani (IAT) menerusi portal Agrobazaar Online.

Sejajar dengan hasrat UiTM dalam Pelan Strategik 2025 sebagai usaha melahirkan lebih ramai graduan berkualiti dan berciri keusahawanan selaras dengan hasrat kerajaan menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) UiTM Kampus Raub telah bekerjasama dengan pihak FAMA untuk melancarkan program NBME kepada pelajar-pelajar di kampus ini dan penyertaan ini akan menjadi platform untuk menggerakkan agenda pemikiran dan perniagaan digital.

Pihak FAMA telah memeterai kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi antaranya politeknik, kolej komuniti dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi mengadakan Agrobazaar Online Challenge yang menawarkan pelbagai hadiah menarik. Agrobazaar Online Challenge merupakan sebahagian daripada aktiviti NBME iaitu merupakan satu program baru dibawah MYAGROSIS yang melibatkan perniagaan atas talian, hanya dirangka untuk memberi pendedahan kepada golongan muda yang kekurangan pengalaman dan modal untuk menceburi bisnes online dan pemasaran online. Cabaran itu mempelawa usahawan pertanian serta IAT yang bersedia menjadi pembekal produk atau dropship kepada usahawan NBME dari kalangan pelajar kolej atau universiti berkaitan untuk menyertainya.

Beberapa pelajar UiTM Kampus Raub telah mengambil peluang ini dan menyertai cabaran berkenaan kerana ia platform terbaik dalam usaha memantapkan diri menjadi usahawan. Dalam tempoh 3 bulan cabaran itu diadakan, pelajar UiTM Kampus Raub, Muhamad Haziq telah berjaya mendapat tempat kedua keseluruhan peringkat negeri Pahang dengan jumlah kutipan hasil belian sebanyak RM1400 Suatu jumlah yang cukup bagus sebagai permulaan kepada perniagaan digital.

Oleh itu, perniagaan digital adalah platform untuk berkembang di peringkat global dan ia perlu direbut oleh semua pihak khususnya usahawan generasi baru. Memang mudah, kita hanya meletakkan barang untuk dijual dalam perniagaan digital tetapi banyak perkara perlu diteliti, terutama membuat kajian pasaran apa yang diperlukan oleh pengguna agar ianya terus bergerak secara berterusan dari semasa ke semasa. Apa yang pasti platform ini perlu direbut dan dijadikan ia sebagai titik permulaan untuk terus maju dalam bidang perniagaan.

Gambar 1 : Majlis Penutupan Agrobazaar Challenge peringkat Negeri Pahang



“BUSINESS OPPORTUNITIES ARE LIKE BUSES, THERE’S ALWAYS ANOTHER ONE COMING.”

– RICHARD BRANSON